

30/05/1999

Pas giat hasut rakyat: PM

Mahfar Ali in Nagoya

NAGOYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Pas kini giat menghasut rakyat, terutama pelajar, supaya jangan terhutang budi dengan bantuan kerajaan bagi mengalih perhatian masyarakat terhadap kemampuan parti itu memerintah negara.

Perdana Menteri berkata, Pas berpendapat masyarakat tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana mendakwa siapapun yang akan memerintah, mampu membantu rakyat dan membangunkan negara.

Menurut Dr Mahathir, sikap tidak berterima kasih itu sebenarnya cuba disebarkan Pas selepas gagal menghasut rakyat membenci kerajaan dalam usahanya menggulingkan BN pada pilihan raya umum tidak lama lagi.

'Hakikatnya, tidak semua kerajaan mampu membangunkan negara dan membantu rakyat,' katanya dalam pertemuan dengan pelajar Malaysia di sini sempena lawatan kerja seminggu ke Jepun bermula semalam.

Dalam pertemuan hampir dua jam itu, Perdana Menteri memberi contoh Pas yang memerintah sebuah negeri pun gagal menyelesaikan masalah meskipun kecil, seperti krisis air di Kelantan.

Malah, kata Dr Mahathir, banyak negara membangun lain gagal meningkatkan taraf hidup rakyatnya dan ini membuktikan tidak semua kerajaan mampu memerintah dengan baik.

Dalam hubungan ini, katanya, rakyat Malaysia seharusnya bersyukur kerana menikmati pelbagai peluang hasil pembangunan yang dibawa kerajaan BN, termasuk dalam bidang pendidikan, ekonomi dan teknologi tinggi.

'Hari ini kita dapat lihat ramai pelajar Malaysia menuntut di Jepun, sedangkan peluang itu tidak dinikmati pelajar dari banyak negara membangun lain.

'Justeru, pendapat bahawa mana-mana kerajaan mampu memberi bantuan dan membangunkan rakyat tidak benar tuan kerajaan,' katanya yang sebelum itu mendapat tepukan gemuruh sebaik memasuki Dewan Naga di hotel penginapannya.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata negara hanya boleh maju dan berjaya sekiranya mempunyai perancangan dan dasar yang berkesan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, pakatan pembangkang yang turut disertai Pas dan DAP, tidak mungkin dapat membentuk kerajaan berkesan kerana parti itu mempunyai matlamat perjuangan berlainan.

Sambil menyifatkan pakatan itu sebagai aneh dan ganjil, Dr Mahathir berkata, Pas mahu membentuk negara Islam tetapi DAP tidak merestunya dan parti itu sebaliknya memperjuangkan konsep Malaysia Malaysian.

Parti KeADILan pimpinan Datin Seri Wan Azizah Ismail yang turut menyertai pakatan itu pula, katanya, menerima semua dasar parti pembangkang lain, asalkan dapat membela suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

'Kita dapati pakatan ini amat aneh dan ganjil, terutama Pas yang dulunya mengkafirkan Umno kerana bekerjasama dengan orang bukan Islam, tetapi sekarang dia bekerjasama dengan DAP,' katanya.

Malah, menurut Dr Mahathir, Pas kini sanggup mengeluarkan perkataan yang memburukkan Allah semata-mata hendak mempertahankan Datuk Shahnnon Ahmad, ahli seumur hidup parti itu.

"Kalau Shahnnon dalam bukunya Shit memaki hamun saya dan membabitkan ibu saya, (Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) lebih teruk kerana mendakwa kononnya

Allah juga mencarut.

"Ini dilakukan semata-mata nak pertahankan ahli partinya hingga tidak mempedulikan ajaran Islam," katanya.

(END)